



## SIARAN AKHBAR

### ***ALERT LIST AMBD TELAH DIKEMASKINIKAN***

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa *Alert List* AMBD telah dikemaskinikan.
2. *Alert List* AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam *Alert List* AMBD bagi bulan Januari 2019 adalah seperti berikut:
  - a) Atlantic Global Asset Management;
  - b) EO.Trade / EO Trade Asia;
  - c) GCM Asia; dan
  - d) Tickmill Brunei.
4. *Alert List* AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn). Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.
5. Di kesempatan ini juga, AMBD ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa menjalankan perniagaan kiriman wang memerlukan lesen kiriman wang yang sah. Orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa berwaspada dan berurusan dengan perniagaan kiriman wang yang berlesen dan untuk melaporkan mana-mana perniagaan kiriman wang tanpa lesen kepada AMBD.
6. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam, dan mengutamakan pelindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian 2380007 atau emel melalui [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**Tarikh:** Jamadilawal 1440H / Februari 2019M  
**Rujukan:** AMBD/COMMS/3